

REGULASI EMOSI KEIBUBAAPAN ANAK KURANG UPAYA MENURUT ISLAM KE ARAH MEMPERKASAKAN KESUKARELAWANAN DAKWAH BAGI OKU

REGULATION OF THE EMOTIONS OF PARENTING CHILDREN WITH DISABILITIES ACCORDING TO ISLAM TOWARDS STRENGTHENING VOLUNTEERNESS DAKWAH FOR THE DISABLED

Noornajihan Jaafar¹

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, (noornajihan@usim.edu.my)

Article history

Received date : 15-3-2023
Revised date : 20-3-2023
Accepted date : 1-7-2023
Published date : 20-7-2023

To cite this document:

Jaafar, N. (2023). *Regulasi Emosi Keibubapaan Anak Kurang Upaya Menurut Islam ke Arah Memperkasakan Kesukarelawan Dakwah bagi OKU. Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (54), 415 - 427.

Abstrak: Ibu bapa yang dikurniakan anak kurang upaya terdedah kepada tekanan yang tinggi berbanding ibu bapa yang mempunyai anak tipikal. Tanpa sokongan dan bantuan yang sistematik dan menyeluruh daripada pihak kerajaan mahupun badan kebajikan, agak sukar bagi ibu bapa ini untuk memberikan asuhan dan penjagaan yang terbaik buat anak istimewa mereka. Berdasarkan kepada modul sedia ada, didapati masih terdapat kelompangan dari aspek regulasi emosi bagi ibu bapa anak kurang upaya. Justeru, penulisan ini akan mengengahkan perbincangan awal berkaitan regulasi emosi ibu-bapa anak kurang upaya berasaskan panduan Islam bagi pembentukan sebuah keluarga yang sejahtera sekaligus menggalakkan penglibatan mereka dalam kesukarelawan termasuklah dalam aspek pendidikan agama. Penulisan ini mensasarkan beberapa objektif, iaitu: 1- isu dan cabaran keluarga yang dianugerahkan dengan anak kurang upaya, 2- regulasi emosi dan kepentingan dalam menguruskan anak kurang upaya dan 3- strategi regulasi emosi keibubapaan anak kurang upaya menurut Islam. Penulisan ini berasaskan kajian keperpustakaan dengan merujuk artikel-artikel jurnal yang membincangkan isu dan cabaran terkini yang dihadapi oleh ibu bapa yang memiliki anak kurang upaya. Selain itu, buku-buku berkaitan regulasi emosi dan kepentingannya turut dirujuk. Ayat-ayat al-Quran dan hadis Nabi SAW turut dirujuk bagi mendapatkan panduan Islam berkenaan regulasi emosi terbaik khususnya terkait dengan tekanan emosi yang dihadapi oleh ibu bapa berkenaan. Penulisan ini dilihat amat penting dalam memberikan input dan kemahiran kepada ibu bapa berkenaan strategi regulasi emosi dalam menguruskan anak istimewa. Ia bukan sahaja membantu ibu bapa dalam menguruskan emosi mereka bagi mewujudkan suasana sejahtera dalam keluarga, bahkan sehingga berupaya menggerakkan usaha advokasi dari masa ke masa ke arah membentuk komuniti inklusif melalui pemeraksanaan kesukarelawan dalam kalangan ibu bapa.

Kata kunci: regulasi emosi, keibubapaan, anak kurang upaya, kesukarelawan.

Abstrak: *Parents who have children with disabilities are exposed to high levels of stress compared to parents who have typical children. Without systematic and comprehensive support and assistance from the government or charitable organizations, it is quite difficult for these parents to provide the best care and nurturing for their special children. Based on the existing module, it was found that there is still a gap in the aspect of emotional regulation for parents of children with disabilities. Thus, this writing will focus on the initial discussion related to the emotional regulation of parents of disabled children based on Islamic guidance for the formation of a prosperous family as well as encouraging their involvement in volunteering including in the aspect of religious education. This writing aims at several objectives, namely: 1- issues and challenges of families with disabled children, 2- emotional regulation and importance in managing disabled children and 3- emotional regulation strategies for parenting disabled children according to Islam. This writing is based on library research by referring to journal articles that discuss the latest issues and challenges faced by parents who have children with disabilities. In addition, books related to emotional regulation and its importance are also referred to. The verses of the Quran and the hadith of the Prophet SAW were also consulted to obtain Islamic guidance regarding the best emotional regulation, especially related to the emotional pressure faced by the parents concerned. This writing is seen as very important in providing input and skills to parents regarding emotional regulation strategies in managing special children. It not only helps parents in managing their emotions to create an atmosphere of well-being in the family, even to the point of being able to mobilize advocacy efforts over time towards forming an inclusive community through the empowerment of volunteerism among parents.*

Keywords: *Emotional Regulation, Parenting, Disabled Children, Volunteering.*

Pengenalan

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh ramai pihak dalam memberikan dakwah kepada OKU termasuk khidmat sukarelawan. Namun, dengan kepelbagaian kategori OKU, sukarelawan perlu mendapat pendedahan khusus berkaitan keperluan OKU, pengetahuan dan kemahiran dalam menyantuni komuniti istimewa ini. Di Malaysia, usaha memberi pendedahan tentang keperluan OKU ini dijalankan oleh Jabatan Pembangunan OKU (JPOKU) melalui Kursus *Disability Equality Training* (DET). Kursus ini ditawarkan ke pelbagai organisasi sama ada kerajaan atau bukan kerajaan bertujuan untuk memaknai hakikat ketidakupayaan OKU. Begitu juga dengan strategi dan pendekatan santunan OKU dari sudut spiritualnya. Ia memerlukan satu modul khusus dalam melatih dan mendidik OKU bagi memahami ajaran Islam berasaskan kekuatan dan kelainan upaya OKU. Usaha ini secara tidak langsung menyokong agensi-agensi di bawah YB Menteri (Hal Ehwal Agama) dalam mendepani isu dan cabaran OKU beragama sekaligus merealisasikan Pelan Tindakan OKU 2016-2022 (strategik 9) telah dibincangkan dalam satu Persidangan Meja Bulat berkaitan Pemeraksanaan dan Pelan Tindakan OKU Rabbani 2020-2025 yang dianjurkan di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) JAKIM pada 5 dan 6 Julai 2020.

Berdasarkan kepada modul sedia ada (Norakyairee et al., 2020; Intan Puspitasari et al., 2019) didapati masih terdapat kelompangan terhadap regulasi emosi bagi ibu bapa anak kurang upaya. Modul ini perlulah disediakan bagi membantu pihak ibu bapa untuk menangani masalah emosi negatif ketika menguruskan anak kurang upaya. Regulasi emosi yang tepat dapat memastikan ibu bapa dapat mengawal emosi bagi mengelakkan tindakan yang tidak sepatutnya terhadap anak kurang upaya kerana kebanyakan kes penderaan berlaku adalah berpunca daripada

kurangnya kemahiran regulasi emosi ibu bapa seperti yang dilaporkan oleh Intan Puspitasari dan Dewi Eko Wati (2019). Kejayaan regulasi emosi ibu bapa menjadi asas kepada kesejahteraan sesebuah keluarga sekaligus berupaya memperkasakan ibu bapa untuk sama-sama terlibat aktif dalam kegiatan kesukarelawan dakwan bagi OKU.

Keterlibatan langsung ibu bapa secara aktif dalam memastikan anak-anak istimewa mereka mendapat pendidikan termasuklah Pendidikan agama sewajarnya, tidak dapat dinafikan. Namun, kehadiran kanak-kanak kurang upaya dalam sesebuah keluarga memberikan cabaran dan tekanan kepada ibu bapa dan seluruh ahli keluarga. Rodriguez dan Murphy (1997) menyatakan bahawa tekanan ibu bapa yang tinggi muncul terutamanya dalam kalangan ibu bapa yang mempunyai anak kurang upaya. Ini kerana ibu dan bapa mudah berasa tertekan akibat kesukaran menjaga anak kurang upaya yang memerlukan penjagaan lebih rapi. Hal ini, jika tidak dibendung dengan baik, akan membantutkan keterlibatan ibu bapa dalam kegiatan kesukarelawanan dakwah bagi OKU. Justeru, adalah amat penting tekanan emosi yang dihadapi oleh ibu bapa tersebut diuruskan dengan baik. Tiada panduan yang lebih baik daripada panduan yang diajarkan oleh agama dalam menguruskan tekanan tersebut.

Isu dan Cabaran Keluarga yang dianugerahkan dengan Anak Kurang Upaya

Secara fitrahnya, setiap pasangan suami isteri mengimpikan kehadiran cahaya mata apabila mendirikan rumah tangga sebagai penyeri hidup berkeluarga. Impian untuk memiliki anak setelah berkahwin disulam dengan harapan untuk melihat si anak membesar sihat dan berjaya dalam hidup di dunia mahupun akhirat. Pelbagai persediaan dirancang agar setiap anak mendapat asuhan dan didikan yang terbaik supaya dewasa kelak menjadi insan yang berguna kepada keluarga, masyarakat dan agama. Namun, tidak semua ibu bapa dikurniakan anak yang sihat dan cerdas. Ada ibu bapa yang dianugerahkan anak istimewa dari segi sifat, pancaindera mahupun daya inteleknya. Kenyataan ini sudah pasti mendatangkan sedikit kekecewaan di hati ibu bapa yang mengharap anak mereka membesar sempurna seperti kanak-kanak lain.

Kajian menunjukkan ibu bapa yang dianugerahkan anak kurang upaya mengalami tekanan yang lebih tinggi berbanding ibu bapa yang memiliki anak tipikal. Kebiasaannya, ibu bapa akan mengalami tiga fasa emosi yang menjadikan situasi amat mencabar buat mereka. Pada fasa pertama, ibu bapa lazimnya belum boleh menerima sepenuhnya ketidapupayaan yang dialami oleh anak mereka. Emosi sedih, bingung dan lemah semangat sering dirasai. Pada fasa berikutnya, iaitu fasa pertengahan, mula timbul emosi bersalah, kecewa dan bimbang akan masa depan anak mereka. Lazimnya pada fasa ketiga, kebanyakan ibu bapa sudah mula menerima hakikat yang anak mereka mengalami ketidakupayaan dan memerlukan penjagaan khusus (Tharshini et al., 2016).

Terdapat beberapa faktor utama yang mengundang tekanan ini antaranya kekurangan maklumat berkenaan karektor kekurangan dan isu ketidakupayaan yang dihadapi anak. Kajian mendapati, ibu bapa tertekan kerana tidak tahu perkara yang perlu dilakukan untuk membantu anak mereka (Nur Farahana Ismail @ Mohd Ismail & Manisah Mohd. Ali, 2020). Perkara ini dirasai kerana, anak-anak kurang upaya mengalami ketidakupayaan yang berbeza dan memerlukan pendekatan dan cara yang berbeza untuk berkomunikasi hatta dalam pembelajaran mereka. Dalam usaha untuk menyediakan yang terbaik untuk anak-anak, ketidakcukupan maklumat tentang perkara-perkara seumpama ini memberikan tekanan kepada ibu bapa. Kebanyakan ibu bapa akan merasa lebih tenag apabila maklumat serta ilmu berkaitan dengan anak-anak kurang upaya ini telah difahami.

Tiada sistem sokongan yang berkesan sama ada daripada pihak pengamal perubatan, pekerja sosial, keluarga, jiran mahupun masyarakat sekeliling juga merupakan isu dan cabaran buat ibu bapa. Tanpa sokongan dan bantuan yang sistematik dan menyeluruh daripada pihak kerajaan mahupun badan kebajikan, agak sukar bagi ibu bapa ini untuk memberikan asuhan dan penjagaan yang terbaik buat anak istimewa mereka. Bantuan dan sokongan padu daripada pasangan adalah kekuatan dalam menghadapi situasi sebegini. Namun terdapat segelintir daripada ibu atau ayah yang sukar menerima hakikat bahawa anak-anak mereka memiliki ketidakupayaan. Keadaan penafian menjadikan keadaan yang dihadapi oleh ibu bapa ini lebih mencabar. Selain itu, tidak kurang juga daripada ibu bapa yang mengalami penolakan daripada keluarga. Kehadiran anak istimewa dalam kalangan keluarga ada yang disalah ertikan sehingga menimbulkan konflik dan ketegangan diantara ahli keluarga (Nur Farahana Ismail @ Mohd Ismail & Manisah Mohd. Ali, 2020). Hakikatnya, perkara ini disebabkan kesedaran dan kecaknaan terhadu anak kurang upaya yang kurang dan masih perlu dipertingkatkan. Kesukaran untuk mendapat akses kepada bantuan kebajikan bagi anak kurang upaya mungkin menimbulkan ketegangan kepada pasangan suami isteri. Konflik dalam menguruskan anak kurang upaya selalunya akan timbul sekiranya suami isteri tidak tahu bagaimana menangani tekanan dan cabaran yang ada.

Selain daripada itu, ibu bapa juga turut mengalami cabaran dalam penjagaan anak-anak kurang upaya. Ada segelintir daripada anak-anak kurang upaya yang memerlukan jagaan khusus dan bergantung penuh kepada ibu dan ayah mereka terutama golongan ibu untuk menyediakan semua keperluan asas mereka. Dalam keadaan begini, tanggungan ibu ayah semakin berat dengan pertambahan usia anak-anak (Tharshini et al., 2016). Selain itu, ibu bapa juga perlu berhadapan dengan emosi serta tingkah laku (tantrum) anak yang tidak menentu. Anak-anak ini mudah merajuk, marah dan memberontak. Ada juga antara anak-anak ini yang mempunyai keperluan komunikasi yang berbeza daripada anak-anak tipikal seperti menggunakan bahasa isyarat dan sebagainya. Justeru, sokongan dan panduan untuk menyediakan mental dan emosi untuk menghadapi keadaan ini amat diperlukan.

Faktor ekonomi juga turut menjadi isu utama yang membawa kepada tekanan dalam menguruskan anak kurang upaya. Keperluan khusus yang diperlukan oleh anak kurang upaya fizikal contohnya memerlukan peruntukan kewangan yang banyak dari segi penyediaan alat bantuan sokongan fizikal seperti kerusi roda, alat bantuan senaman anggota, makanan khusus seperti susu berprotein tinggi, keperluan harian seperti lampin pakai buang dan sebagainya (i-sejahtera, halaman 31-33). Dalam konteks anak kurang upaya masalah pembelajaran contohnya, mereka memerlukan terapi khusus daripada doktor perubatan, jurupulih cara kerja, jurupulih pertuturan serta guru dan sekolah yang menyediakan modul khas pembelajaran. Semua keperluan khusus ini memerlukan ibu bapa mengeluarkan perbelanjaan yang besar sekiranya ingin memberikan intervensi rawatan pemulihan awal yang berkesan. Bagi ibu bapa yang terdiri daripada golongan profesional dan berpendapatan tinggi, mereka mungkin mampu menyediakan semua keperluan khas ini. Manakala bagi ibu bapa yang berpendapatan rendah dan khususnya mereka yang tinggal di kawasan luar bandar serta jauh daripada kemudahan intervensi pemulihan khas ini, kemungkinan besar akan mengalami kesukaran untuk memenuhi keperluan anak mereka atas faktor ekonomi dan lokasi (Tharshini et al., 2016).

Secara dasarnya, komuniti OKU masih belum memperoleh layanan sosial berteraskan asas hak. Ini jelas kerana kebanyakan daripada dokumen perundangan berkaitan pembangunan untuk komuniti OKU baik peringkat lokal mahupun global seperti Konvensyen hak untuk OKU (CRPD) dan Akta OKU 2008 masih lagi menekankan tentang prinsip kesaksamaan dan

kesamarataan hak. Sedangkan, dari sudut perlaksanaannya masih berada pada tahap yang lemah. Justeru, salah satu pihak yang harus memperjuangkan aspirasi ini adalah ibu bapa yang memiliki anak kurang upaya. Sekiranya, ibu bapa tidak memperoleh maklumat dan input yang betul, ia akan menjejaskan proses advokasi ini. Malahan, ibu bapa akan mudah bereaksi secara negatif sekiranya keperluan pembangunan berasaskan hak ini tidak dinikmati sebaiknya oleh anak kurang upaya mereka. Ini akan memberi kesan negatif terhadap emosi mereka dan kesejahteraan masyarakat amnya. Oleh itu, ibu bapa yang mempunyai anak kurang upaya perlu dibantu sebaiknya. Perkara pertama yang boleh dilakukan dalam membantu keluarga dengan anak kurang upaya adalah dengan memberikan maklumat dan kemahiran keibubapaan yang baik kepada mereka. Ia boleh dilakukan melalui modul latihan kemahiran keibubapaan untuk keluarga anak kurang upaya. Modul ini boleh dibangunkan oleh ahli akademik yang berpengalaman dengan kerjasama agensi kebajikan negara seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Regulasi Emosi dan Kepentingan dalam Menguruskan Anak Kurang Upaya

Ibu bapa yang mempunyai anak kurang upaya cenderung mengalami emosi negatif berbanding ibu bapa yang mempunyai anak yang bukan OKU. Sebagai contoh, ibu bapa kanak-kanak yang mengalami gangguan autisme mempunyai tahap tekanan yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan ibu bapa kanak-kanak normal (Jacob, Mazzone, Simon, & Nader-Grosbois, 2019). Emosi negatif ini muncul seiring dengan tekanan yang dialami oleh ibu bapa dengan anak-anak kurang upaya. Pisula & Kossakowska (2010) melaporkan bahawa ibu bapa mengalami kebimbangan terhadap masa depan anak, berhadapan dengan penolakan dari persekitaran sosial, dan mendapat sokongan sosial yang sangat terhad. Punca tekanan lain adalah kesukaran untuk mendapatkan bantuan profesional (Sousa, 2015). Natijahnya, ibu bapa atau penjaga kebiasaannya berasa tidak berdaya, rasa gagal, tertekan, murung, putus asa, rasa bersalah, rasa malu dan mudah terdedah kepada masalah mental (Pisula & Kossakowska, 2010; Vetrayan, Daud, & Paulraj, 2013; Ebrahimi et.al, 2015). Mereka juga berisiko mengalami gejala kelesuan (*burnout*), berhadapan dengan isu produktiviti yang berkurangan di tempat kerja dan pelbagai isu lain.

Selain itu, pelbagai tekanan yang timbul kerana keadaan anak kurang upaya yang menjadi sumber timbulnya emosi negatif, adalah perkara yang tidak dapat dielakkan oleh ibu bapa. Apabila ibu bapa sebagai pengasuh merasakan banyak emosi negatif, ia akan mempengaruhi perkembangan psikologi dan keberkesanan terapi yang dilalui oleh anak-anak (Vetrayan, Daud & Paulraj, 2013). Ini adalah selari dengan pandangan Heiman (2021) yang menekankan bahawa keluarga merupakan kunci kepada perkembangan kecekapan sosio-emosi anak. Oleh yang demikian, interaksi ibu bapa-anak penting bagi perkembangan regulasi emosi anak. Kanak-kanak yang dihukum apabila mereka menunjukkan perasaan negatif mengaitkan emosi mereka dengan akibat negatif, yang menyebabkan mereka sukar untuk mengawal emosi mereka dan cenderung untuk berkelakuan agresif. Kelakuan agresif anak menambahkan beban kepada ibu bapa. Oleh itu, penting untuk ibu bapa mengetahui cara mengendalikan emosi mereka terlebih dahulu supaya tidak memberi kesan kepada emosi dan tingkah-laku anak bagi menjamin kesejahteraan psikologi mereka.

Kemahiran mengurus emosi dikenali sebagai regulasi emosi. Regulasi emosi merujuk kepada proses di mana individu dipengaruhi oleh emosi yang dirasakan, bila dan bagaimana mereka merasainya dan mengekspresikan emosi-emosi ini (Grecucci, 2012). Kegagalan mengawal emosi menyebabkan ibu bapa lebih banyak mengawasi, bertindak kasar, bersikap tegas, sering menghukum malah memukul dan mencubit anak-anak. Regulasi emosi akan mempengaruhi

bagaimana individu berdaya tindak dalam mengatasi sesuatu masalah dan berdepan dengan tekanan. Strategi daya tindak positif dipengaruhi oleh emosi positif, sementara emosi negatif lahir dari strategi daya tindak yang tidak berkesan (Compas et.al, 2017). Individu yang dapat menilai situasi, mengubah pemikiran dan mengawal emosi negatif akan memiliki strategi daya tindak yang positif. Justeru, kemahiran regulasi emosi diperlukan untuk mengawal emosi dalam menangani situasi atau tekanan dalam membesarkan anak-anak kurang upaya.

Terdapat dua strategi regulasi emosi iaitu strategi penilaian semula (*reappraisal*) dan pemendam (*suppression*) yang menggunakan pendekatan kognitif. Regulasi emosi kognitif terdiri daripada dua jenis strategi iaitu strategi adaptif dan maladaptif. Strategi adaptif termasuk penerimaan, pemfokusan semula positif, penilaian semula positif, meletakkan ke dalam perspektif, dan memfokus semula perancangan. Proses menilai semula situasi yang dihadapi akan mempengaruhi emosi seseorang itu (Gross dan John, 2003). Jika individu menilai situasi yang dihadapi sebagai sesuatu yang negatif maka emosi yang terlahir akan bersifat negatif. Sebaliknya, apabila individu menilai situasi yang dihadapi bersifat positif maka terlahirlah emosi positif. Misalnya, ibu bapa yang tidak dapat menerima kekurangan anak mereka, akan mudah berasa marah dan tertekan. Beberapa kajian telah menunjukkan bahawa strategi regulasi emosi kognitif boleh meningkatkan kesihatan, kualiti hidup, daya tahan, dan penyesuaian psikologi (Khan, Ahmed, & Blakeway seperti yang dipetik dalam Li et al., 2015; Mihalca & Tarnavska, 2013; Garnefski et.al, seperti yang dipetik dalam Li et al., 2015).

Sementara itu, strategi maladaptif termasuk menyalahkan diri sendiri, rumination, catastrophizing, dan menyalahkan orang lain (Garnefski, Kraaij, & Spinhoven, 2001). Ibu bapa yang menggunakan pendekatan pemendam (*suppression*), dengan cara menyembunyikan ekspresi emosi negatif dengan menekan ekspresi positif memberi kesan sampingan dan tidak membantu dalam mengurangkan pengalaman negatif (Gross & John, 2003). Dalam erti kata lain, memendam perasaan bukanlah satu strategi yang baik dalam mengendalikan emosi. Ibu bapa sepatutnya berkongsi tekanan yang mereka hadapi bersama dengan ahli keluarga lain. Strategi maladaptif mempunyai korelasi dengan kualiti hidup yang rendah, kemurungan, kebimbangan, masalah fungsi sosial, dan gejala pasca trauma (Garnefski et.al, 2015). Oleh itu, adalah penting untuk mengetahui strategi regulasi emosi adaptif dan maladaptif supaya satu intervensi dapat dibangunkan bagi meningkatkan keupayaan individu menggunakan strategi regulasi emosi adaptif dan mengurangkan penggunaan strategi maladaptif.

Mempelajari kemahiran mengendalikan emosi amat penting sebagai satu strategi pencegahan tekanan mental ibu bapa atau penjaga anak berkeperluan khas. Mengawal emosi negatif dan meningkatkan emosi positif adalah penting untuk mencapai kesejahteraan diri dan mengekalkan keharmonian dalam sesebuah keluarga. Pada peringkat makro, artikel ini diharapkan dapat memberi celik akal kepada pembuat polisi berkaitan keibubapaan untuk membangunkan dasar dan program latihan yang dapat membantu mengurangkan kadar kelesuan emosi ibu bapa atau penjaga anak yang berkeperluan khas dalam mengurus beban kerja dan kehidupan keluarga.

Strategi Regulasi Emosi Keibubapaan Anak Kurang Upaya Menurut Islam

Beberapa emosi yang dikenal pasti dialami oleh ibu bapa yang dikurniakan dengan anak istimewa dan perlu diurus ialah emosi sedih, bersalah, marah dan malu. Bahagian ini akan mendatangkan beberapa kaedah yang diajarkan oleh Baginda Nabi SAW dalam ibu bapa mengurus emosi tersebut.

Perasaan Sedih

Kelaziman yang dihadapi oleh ibu bapa yang mengetahui anak yang bakal dilahirkan ada mengalami kecacatan adalah perasaan sedih. Mereka sedih apabila memikirkan nasib yang bakal dihadapi oleh si anak yang istimewa tersebut. Mereka akan cenderung untuk berasa kecewa dengan keadaan tersebut. Seheinggakan ada yang menyalahkan diri sendiri dan menganggap pemberian anak kurang upaya ini sebagai hukuman dari Allah SWT. Situasi ini ada kalanya membawa kepada senario yang lebih buruk apabila ada yang mula menyalahkan pihak lain atas ketentuan itu. Kemungkinan terdapat ibu bapa yang meletakkan punca kecacatan anak kepada pasangan. Lebih membahayakan apabila ada yang menyalahkan Allah SWT kerana memberikan mereka anak tersebut.

Hakikatnya manusia tidak terkecuali daripada emosi sedih apabila menghadapi perkara-perkara yang tidak diinginkan seperti kesulitan, kegagalan, kecelakaan, kematian dan termasuklah kehadiran anak OKU dalam keluarga. Menangis dan tertawa adalah naluri yang dikurniakan oleh Allah ke atas hamba-hambanya. Firman Allah SWT:

وَأَنَّهُ هُوَ أَضْحَكَ وَأَبْكَى

Maksudnya: “Dan bahawasanya Dialah yang menjadikan orang tertawa dan menangis”.

(Surah An-Najm 53:43)

Perasaan sedih adalah suatu fitrah. Namun, jika ia tidak diuruskan pada tempat yang betul, kesedihan itu akan membawa kepada satu keadaan yang lebih buruk. Sedangkan Nabi SAW, Rasul ikutan ummah juga ada ada merasa sedih dalam satu-satu keadaan. Namun, Baginda Nabi SAW tidak berlarutan dengan perasaan tersebut dan dapat kembali mengawal emosi itu dengan mengembalikan semuanya kepada Pencipta. Dikisahkan, ketika anakanda Rasulullah SAW iaitu Abdullah wafat, air mata Nabi Muhammad bercucuran di pipinya hingga membasahi janggutnya. Hati Baginda SAW begitu sedih. Namun demikian, Nabi Muhammad SAW sedar batasannya sehingga dirinya tidak larut pada kesedihan itu dengan pegangan bahawa semua itu adalah kehendak Allah. Antara langkah yang boleh diambil adalah dengan meletakkan harapan kepada Allah SWT. Daripada Allah SWT anak kurang tersebut hadir, maka Allah SWT juga lah yang akan memelihara dan menjamin kecukupan buat anak tersebut. Anak tersebut dipinjamkan Allah kepada ibu bapa sebagai amanah untuk digalas sebaik mungkin. Selain, anak tersebut sebagai wasilah agar ibu ayah lebih mengakui kekuasaan dan kehendak Allah SWT atas setiap manusia.

Terdapat beberapa doa yang diajarkan oleh Baginda Nabi SAW bagi menghilangkan rasa sedih, antara yang boleh diamalkan oleh ibu bapa yang memiliki anak kurang upaya ialah:

اللَّهُمَّ إِنِّي عَبْدُكَ ابْنُ عَيْدِكَ، ابْنُ أُمَّتِكَ، نَاصِيَتِي بِيَدِكَ، مَاضٍ فِي حُكْمِكَ، عَدْلٌ فِي قَضَائِكَ، أَسْأَلُكَ بِكُلِّ اسْمٍ هُوَ لَكَ، سَمَّيْتَ بِهِ نَفْسَكَ، أَوْ أَنْزَلْتَهُ فِي كِتَابِكَ، أَوْ عَلَّمْتَهُ أَحَدًا مِنْ خَلْقِكَ، أَوْ سَأَلْتَهُ فِيهِ فِي عِلْمِ الْغَيْبِ عِنْدَكَ، أَنْ تَجْعَلَ الْقُرْآنَ رَبِيعَ قَلْبِي، وَتُورَ صَدْرِي، وَتَجْعَلَ حُزْنِي وَدَهَابَ هَمِّي.

Maksudnya:”Ya Allah sesungguhnya aku adalah hambaMu, anak kepada hambaMu, anak kepada hamba perempuanMu, ubun-ubunku di tanganMu, terlaksana ke atasku hukumanMu dan adil kehakimanMu terhadapku, aku memohon kepadaMu dengan setiap nama yang engkau namakan dengannya diriMu, atau Engkau turunkan di dalam kitabMu, atau Engkau yang telah

mengajarnya kepada seseorang daripada makhlukMu atau yang tersembunyi pada ilmu ghaib di sisiMu, jadikanlah Al-Quran penenang hatiku, cahaya di dadaku, penghapus kedukaanku dan penghilang kesusahanku”.

Perasaan Bersalah

Ibu bapa yang dikurniakan anak kurang upaya adakalanya mengalami perasaan rasa bersalah yang sangat tinggi. Mereka meletakkan diri sendiri sebagai punca kepada ketentuan pemberian Allah SWT tersebut. Sehingga ada yang tenggelam dengan perasaan bersalah tersebut sehingga sanggup menzalimi diri dengan berkurung diri, tidak mahu bersosial, rasa diri tidak berguna dan lain-lain lagi emosi negatif. Keadaan ini bukan sahaja membawa akibat buruk kepada diri bahkan kepada anak kurang upaya tersebut dan ahli keluarga lain yang berada di sekeliling. Banyak tanggungjawab dan tugas yang tidak dapat diteruskan dan tidak dapat dilaksanakan dengan baik.

Rasa bersalah timbul daripada keadaan yang tidak menyenangkan dan akan memberi kesan kepada psikologi dan fizikal seseorang. Ketika seseorang diserang rasa bersalah, individu tersebut akan merenung, mengkritik dan timbul rasa menyesal akan perbuatan yang telah dilakukannya. Rasa bersalah biasanya akan menimbulkan perasaan khuatir, cemas, gelisah dan tegang (Fischer & Tangney, 1995). Hal ini kemudiannya akan menyebabkan individu merasakan suatu emosi yang menyakitkan seperti merasa tidak berharga kerana wujudnya perbezaan antara tingkah laku dan etika moral yang ditentukan oleh diri sendiri (Peter, 2014). Dalam konteks ibu bapa yang dikurniakan anak kurang upaya, terdapat segelintir mereka yang mengandaikan kurniaan anak tersebut sebagai hukuman dari Allah SWT atas kesalahan yang pernah mereka lakukan. Namun, sebagai seorang yang beriman, seharusnya ibu bapa tersebut menginsafi akan perkara itu dan menaruh harapan kepada Allah SWT agar mengampunkan dosa-dosanya dan memohon bantuan serta peliharaan Allah SWT dalam membesarkan anak tersebut. Allah SWT menyeru kepada orang-orang beriman agar sentiasa mengharap kepada rahmat Allah SWT, seperti ayat Al-Quran yang terdapat dalam surah Az-Zumar:

قُلْ يٰعِبَادِيَ الَّذِينَ اَسْرَفُوْا عَلٰٓى اَنْفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوْا مِنْ رَّحْمَةِ اللّٰهِ اِنَّ اللّٰهَ يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ جَمِيْعًا اِنَّهٗ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai hamba-Ku yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dialah juga yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

(QS Az- Zumar: 53)

Perasaan Marah

Ibu bapa anak kurang upaya yang belum dapat menerima hakikat keadaan anak pemberian Allah SWT ini ada kecenderungan untuk mudah marah. Mereka marah dengan diri sendiri, marah dengan pasangan, marah dengan ahli keluarga yang lain dan adakalanya membawa kepada marah kepada Allah SWT. Apatah lagi sekiranya terdapat tekanan luaran seperti tekanan ekonomi, beban kerja, hubungan sosial dan lain-lain, maka perasaan marah tersebut akan jadi lebih mudah dimanifestasikan. Keadaan ini akan memberikan kesan suasana yang tidak baik samada kepada diri sendiri mahupun kepada keadaan sekeliling.

Marah merujuk kepada emosi yang terganggu, tersinggung, benci dan kesal. Dalam bahasa Arab marah dikenali sebagai *al-ghadab* yang membawa maksud kemarahan. Kemarahan boleh

ditakrifkan sebagai keadaan afektif yang dialami sebagai motivasi untuk bertindak dengan cara yang memberi amaran, menakut-nakutkan atau menyerang mereka yang dianggap mencabar atau mengancam (Saedah & Rezki Pedani, 2018).

Mengurus dan mengendali amarah adalah penting bagi mengekalkan kesejahteraan diri sendiri dan orang lain. Keadaan ini lebih-lebih lagi perlu diuruskan oleh ibu bapa yang memiliki anak kurang upaya kerana cabaran dalam menguruskan anak tersebut adalah lebih tinggi berbanding ibu bapa yang lain. Digambarkan dalam sebuah hadis Rasulullah SAW memberikan kefahaman sebenar akan ciri mukmin yang kuat, Baginda SAW bersabda:

Maksudnya: “Bukanlah orang kuat (yang sebenarnya) dengan selalu mengalahkan lawannya dalam pergelutan (perkelahian), tetapi tidak lain orang kuat (yang sebenarnya) adalah yang mampu mengendalikan dirinya ketika marah”.

(HR Bukhari & Muslim)

Rasulullah SAW adalah sebaik-baik contoh dan pemberi nasihat untuk diikuti. Rasulullah SAW mengajar cara mengawal marah antaranya jika marah dalam keadaan berdiri, hendaklah duduk (orang yang berdiri, dia dalam keadaan bersedia untuk bertindak berbanding ketika duduk). Jika masih marah ketika dalam kedudukan duduk, hendaklah orang tersebut menukar posisi dengan berbaring (kedudukan berbaring sangat kecil kemungkinan untuk bertindak). Diam juga satu daripada cara mengawal marah. Semua ibu bapa, lebih-lebih lagi yang dikurniakan anak kurang upaya dianjurkan untuk melatih diri dengan akhlak yang mulia seperti sabar, lemah lembut dan pemaaf. Kawal dan kuasai diri ketika didatangi perasaan marah, iaitu dengan mengingati akibat buruk yang akan menimpa dan kelebihan pahala orang yang menahan marah.

Perasaan Malu

Terdapat senario di mana ibu bapa yang dikurniakan anak kurang upaya berasa malu dengan keadaan si anak tersebut. Mereka cenderung untuk tidak membawa anak keluar daripada rumah supaya tidak dilihat dan tidak diketahui orang lain. Jikapun anak tersebut terpaksa di bawa keluar, seboleh mungkin ia akan disorokkan dengan pakaian-pakaian tertentu bagi melindungi pandangan orang lain kepada si anak. Sehingga emosi si ibu ayah tidak tenang atau cemas dengan keadaan tersebut. Sekiranya keadaan ini berlarutan ia bukan sahaja menyukarkan perjalanan aktiviti harian ibu bapa bahkan si anak yang dikurung atau disorokkan tadi juga akan membentuk rasa rendah diri, sedih, malu, rasa bersalah dan pelbagai lain emosi yang tidak sihat.

Malu merupakan suatu bentuk emosi yang terhasil apabila seseorang melakukan sesuatu yang bertentangan dengan syariat, peraturan atau norma-norma masyarakat setempat sehingga seseorang itu mempunyai kecenderungan untuk menyembunyikannya. Hal ini disebabkan seseorang itu berasa tidak selesa apabila diketahui umum (Rezki Perdani, Joki Perdani & Roslee, 2017). Termasuk juga terdapat segelintir ibu bapa yang dikurniakan anak kurang upaya malu akan keadaan anak mereka yang lain daripada anak-anak orang lain.

Malu dianggap sebagai emosi yang lebih menyakitkan kerana meletakkan kesalahan pada diri sendiri dan bukannya ke atas tingkahlaku. Perasaan malu biasanya diiringi oleh “rasa kecil” dan rasa tidak berguna dan tidak berkuasa. Orang yang merasa malu juga merasa dirinya terdedah (Tangney, Stuewig & Mashek, 2007). Hakikat malu yang paling tinggi martabatnya ialah malu kepada Allah SWT. Manusia berasa malu apabila tidak dapat menyempurnakan amanah sebagai khalifah Allah di muka bumi. Rasa malu juga timbul apabila seseorang itu tidak dapat

menjadi hamba Allah SWT yang taat kepada segala perintah, larangan serta ketetapanNya. Menanamkan rasa malu boleh memberikan impak positif kepada individu.

Namun, terdapat beberapa keadaan di mana emosi malu tidak dibenarkan dalam Islam, antaranya ialah:

- 1- Malu dalam melakukan kebaikan. Seperti malu untuk berdakwah, malu untuk menuntut hak dan malu memberikan pandangan serta nasihat.
- 2- Malu dalam mendapatkan sesuatu penjelasan atau kebenaran.
- 3- Malu dengan kekurangan diri dan tidak bersyukur. Menjadikan diri rendah diri dan tidak bersyukur dengan nikmat ujian Allah SWT.

Oleh yang demikian, ibu bapa yang dikurniakan anak kurang upaya perlulah menerima anak tersebut sebagai anugerah dari Allah SWT sebagai amanah yang perlu diperlihara. Ia bukanlah suatu kekurangan atau mengaibkan apabila anak tersebut hadir dalam sesebuah keluarga. Perasaan syukur perlu ditingkatkan agar cabaran menuruskan anak tersebut mendapat bantuan daripada Allah SWT.

Penutup

Membesarkan anak-anak bukanlah satu perkara yang mudah. Ia merupakan tugas yang kompleks dan memerlukan kesabaran yang tinggi terutamanya apabila ibu bapa atau penjaga terpaksa berhadapan dengan tingkah laku mencabar yang ditunjukkan oleh kanak-kanak apatah lagi anak kurang upaya. Berkemungkinan, anak kurang upaya itu mungkin perlu bergantung kepada ibu bapa sepanjang hayat mereka kerana tidak dapat menjalani kehidupan dewasa yang normal. Ibu bapa atau penjaga keletihan dan tertekan apabila mereka terpaksa mengajar anak kurang upaya akan kemahiran motor, tingkah laku sosial dan pelbagai lagi perkara yang diperlukan berbanding kanak-kanak biasa (Jovanovic et al., 2019). Situasi sebegini adakalanya membuatkan ibu bapa menghadapi pelbagai bentuk tekanan. Justeru, adalah menjadi keperluan bagi setiap ibu bapa untuk mengetahui kaedah terbaik bagi menguruskan cabaran emosi yang dihadapi dalam memastikan kesejahteraan keluarga masing-masing. Sesungguhnya Islam merupakan agama yang shumul. Setiap panduan amalan terbaik bagi pelbagai aspek kehidupan manusia terdapat dalam sumber-sumber Islam yang autentik, iaitu Quran dan Sunnah. Sewajarnya, panduan daripada sumber Quran dan Hadis Nabi SAW dalam menguruskan emosi, khususnya emosi yang terkait dengan pengaruh tekanan yang dihadapi oleh ibu bapa dalam menguruskan anak kurang upaya, seperti emosi sedih, bersalah, marah dan malu dijadikan rujukan. Diharapkan dengan panduan yang diajarkan oleh ajaran Islam ini berupaya menyediakan ibu bapa dengan kemahiran dalam mengurus tekanan yang dihadapi. Rentetan itu, ibu bapa lebih bersedia untuk terlibat secara aktif dengan aktiviti kesukarelawanan bagi sama-sama membantu keberdayaan anak-anak kurang upaya.

Kajian ini penting bagi menyokong Pelan Tindakan OKU 2016-2022 iaitu untuk memberikan ruang dan peluang yang saksama kepada OKU dengan memperkasakan masyarakat. Dalam konteks ini, ibu bapa/penjaga adalah orang yang paling signifikan untuk diberikan latihan khusus. Hal ini juga sejajar dengan definisi ketidakupayaan yang diberikan oleh United Nation (UN), 2008, di mana ketidakupayaan bukanlah kerana kekurangan yang dimiliki oleh OKU tetapi kerana halangan yang dicipta masyarakat untuk OKU. Maka, usaha yang perlu ditumpukan adalah mengupayakan masyarakat terutamanya masyarakat yang berada di dalam persekitaran OKU itu sendiri iaitu ibu bapa/penjaga mereka. Hal ini kerana, sokongan ibu bapa/penjaga adalah pemacu utama kepada perkembangan emosi anak-anak yang sejahtera. Kajian ini dilihat dapat memberi impak dari aspek ekonomi. Sepertimana yang telah digariskan

melalui Strategi 9: Advokasi dalam Pelan Tindakan OKU 2016-2022 ada menggariskan beberapa objektif penting seperti menggalakkan penglibatan sukarelawan yang berpotensi terdiri daripada ibu bapa/penjaga anak OKU dalam program pembangunan komuniti OKU.

Penghargaan

Hasil penulisan ini disokong oleh geran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Model Sukarelawan Dakwah OKU Berasaskan Hadis Al-Arbain Nawawi Ke Arah Masyarakat Rabbani FRGS/1/2021/SSI0/USIM/02/12.

Rujukan

- Akta Orang Kurang Upaya 2008: [Akta 685 - Akta Orang Kurang Upaya 2008.pdf \(kpwkm.gov.my\)](#)
- Arianda, R., Kinanthi, M.R., Brebabama, A. (2018). Family resilience and cognitive emotion regulation strategy among mothers of children with hearing impairment. *Proceeding of International Seminar on Family and Consumer Issues in Asia, Bogor, Indonesia*, pp. 18-23
- Compas, B. E., Jaser, S. S., Bettis, A. H., Watson, K. H., Gruhn, M. A., Dunbar, J. P., Williams, E., & Thigpen, J. C. (2017). Coping, emotion regulation, and psychopathology in childhood and adolescence: A meta-analysis and narrative review. *Psychological Bulletin*, 143(9), 939–991.
- Cummins, R. A. (1997a). *Assessing quality of life*. In R. Brown (2nd ed), *Quality of Life for People with Disabilities*. Cheltenham: Stanley Thornes, pp. 116—150.
- Denis G. Sukhodolsky, Lawrence Scahill. (2012). *Cognitive-Behavioral Therapy for Anger and Aggression in Children*. US: Guilford Press.
- Ebrahimi, H., Mohammadi, E. (2015). Stigma in mothers of deaf children. *Journal of Otorhinaloryngology*, 27(2).
- Fernández-Caballero, Antonio, J. M. P. G. & Latorre, J. M. (2014). Improvement of the Elderly Quality of Life and Care through Smart Emotion Regulation. *IWALL 2014* 8868 (2015): 348–355.
- Firth H., Grimes A., & Poppleton, H. 2000. Assessment of parents' concerns and evaluation of outcomes. *J Public Health Med*, 22:473–8.
- Gross, J. J. (1998). Antecedent- and Response-Focused Emotion Regulation: Divergent Consequences for Experience, Expression, and Physiology. *Journal of Personality and Social Psychology* 74(1): 224–237.
- Gross, J.J., & John, O.P. (2003). Individual Differences in Two Emotion Regulation Processes: Implications for Affect, Relationships, and Well-Being. *Journal of Personality and Social Psychology*, Vol. 85 (2), pp. 348–362.
- Heiman, T. (2021) Parents' Voice: Parents' Emotional and Practical Coping with a Child with Special Needs. *Psychology*, 12, 675-691. doi: 10.4236/psych.2021.125042.
- Ikmal Hisham Md. Tah dan Khairil Azmin Mokhtar. (2018). Konsep Hak Asasi Manusia Bagi Orang Kurang Upaya di Malaysia: Suatu Analisis, *KANUN*, 109- 136.
- Intan Puspitasari, Dewi Eko Wati, A. M. & A. Y. (2019). Emotional Regulation Module Design: The Prevention Against Child Abuse in Yogyakarta. *International Conference on Early Childhood Development (ICECD 2019)*.
- iSejahtera:https://www.google.com/url?sa=t&rct=j&q=&esrc=s&source=web&cd=&ved=2ahUKEwjB-aWNzpD2AhVJyDgGHQB_C_4QFnoEACAcQAQ&url=https%3A%2F%2Fisejahtera.penang.gov.my%2F&usq=A0vVaw1b5qfaAJTaQBKdMcnkwrI5

- Jacobs, E. , Mazzone, S. , Simon, P. and Nader-Grosbois, N. (2019). The Unexpected Impact of Parental Emotional Socialization on Theory of Mind and Emotion Regulation: The Case of Children with Intellectual Disabilities. *Psychology*, 10, 1302-1332. doi: 10.4236/psych.2019.109084.
- King, G., King, S., Rosenbaum, P., & Goffin, R. (1999). Family-centered caregiving and Kirkham, M. A. 1993. Two-year follow-up of skills training with mothers of children with disabilities. *Am J Ment Retard* 1993; 97:509–20.
- Kobylynska, D. & Kusev, P. (2018). Flexible Emotion Regulation: How Situational Demands and Individual Differences Influence the Effectiveness of Regulatory Strategies. *Frontiers Psychology*. 1-9.
- Li, L., Zhu, X., Yang, Y., He, J., Yi, J., Wang, Y., Zhang, J. (2015). Cognitive emotion regulation: Characteristics and effect on quality of life in women with breast cancer. *Health and Quality of Life Outcomes*, 13, 51.
- Llewellyn, G., Thompson, K., Whybrow, S., McConnell, D., Bratel, J., Coles, D., & Wearing, C. 2003. Supporting Families: Family well-being and children with disabilities. School of Occupation and Leisure Sciences, University of Sydney, 1-98.
- Lyons, A.M., Leon, S.C., Roecker Phelps, C.E., Dunleavy, A.M. (2010). The Impact of Child Symptom Severity on Stress Among Parents of Children with ASD: The Moderating Role of Coping Styles. *Journal of Child Family Studies*. 19,516-524.
- Norakyairee Mohd Raus. (2020). Individu Autisme Dalam Situasi Perintah Kawalan Pergerakan (Res-Q) (April).
- Nur Farahana Ismail @ Mohd Ismail & Manisah Mohd. Ali. (2020). Meneroka Cabaran yang Dihadapi oleh Ibu dalam Menguruskan Anak Berkeperluan Khas. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, Vol. 4 (2). 63-75.
- Pelan tindakan orang kurang upaya 2016-2022*. (2016). Putrajaya: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Peter Roger Breggin. (2014). *Guilt, Shame, and Anxiety: Understanding and Overcoming Negative Emotions*. US: Prometheus Books.
- Pisula, E., & Kossakowska, Z. (2010). Sense of coherence and coping with stress among mothers and fathers of children with autism. *Journal of Autism Development Disorder*, 40, 1485-1494.
- Purwadi, Saputra, W. N. E., Alhadi, S., Wahyudi, A., Supriyanto, A. & Muyana, S. (2020). Effectiveness of Self-regulation of Emotion Modules to Reduce Negative Aggressive Behavior of Students. *Universal Journal of Educational Research* 8(5): 1856–1862.
- Rezki Perdani Sawai, Joki Perdani Sawai & Roslee Ahmad. 2017. Akhlak percintaan dan rasa malu. International Conference on Dakwah and Islamic Management. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rodriguez, C.M. & Murphy, L. (1997). Parenting stress and abuse potential in mothers of children with developmental disabilities. *Child Maltreatment*, 2, 245-251.
- Saedah A. Ghani & Rezki Perdani Sawai. 2018. *Pengurusan Kemarahan*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM. p. 28-34.
- Siti Zubaidah Ismail & Muhamad Zahiri Awang Mat. (2016). Konsep Sakinah, Mawaddah dan Rahmah Sebagai Asas Kebahagiaan Rumahtangga Menurut al-Qur'an: Suatu Analisis Berdasarkan Ayat 21, Surah al-Rum, Al-Bay'An – *Journal of Qur'An and Hadīth Studies* 14, 206-222.
- Sousa, A.C. (2015). Crying Doesn't Work: Emotion and Parental Involvement of Working-Class Mothers Raising Children with Developmental Disabilities. *Disability studies Quarterly*.

- Tangney, J. P. (1995). Shame and guilt in interpersonal relationships. In J. P. Tangney & K. W. Fischer (Eds.), *Self-conscious emotions: The psychology of shame, guilt, embarrassment, and pride* (pp. 114–139). Guilford Press.
- Tangney, J. P., Stuewig, J., Mashek, D. J. (2007). Moral emotions and moral behavior. *Annual Review of Psychology*. 58. 345–372.
- Tharshini, N.K. & Ibrahim, Fauziah & Amin, Aizan & Zakaria, Ezarina. (2016). Cabaran Golongan Ibu dalam Penjagaan Anak Kurang Upaya (Cerebral Palsy): Satu Kajian di “The Cerebral Palsy (Spastic) Children’s Association of Penang”. 19.
- Tkach, E., & Ortega, E.N.M. 2020. Theoretical aspects of the study of parental resilience, raising children with disabilities, **210**, 18133 (2020) E3S Web of Conferences *ITSE-2020* <https://doi.org/10.1051/e3sconf/202021018133>
- Vetrayan, J., Daud, A.& Paulraj, S.J.P.V. (2013). Level of hopelessness among parents with autistic children. *Indian Journal of Health and Wellbeing*, 4(4), 875-878.
- Zakirovaa, L.M., & Shafigullina, I.A. 2016. Features Parental Attitudes to Adolescents